Encik Md Agil menghadiri tiga daripada empat mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan di sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.



*Encik Md Agil Mohd Natt, Malaysian, aged 50, was appointed to the Board of Directors on 22 December 2000 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Executive Committee and Board Finance Committee.*

*Encik Md Agil is the Managing Director of Aseambankers Malaysia Berhad. He graduated with a B.Sc. Economics (Hons) degree from Brunel University, United Kingdom and obtained his Masters in Finance from City University, London. He was appointed Senior General Manager for Corporate Banking in Malayan Banking Berhad from 1995 to 2000. His other directorships in public companies include Mayban Management Berhad and Mayban Discount Berhad.*

*Encik Md Agil attended three out of four Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.*

## Encik Mohd Razif Abdul Kadir

Encik Mohd Razif Abdul Kadir, warganegara Malaysia, berusia 49 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2001 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Encik Mohd Razif adalah Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (pengkhususan dalam kewangan) dari Syracuse University, New York, USA. Beliau menyertai BNM pada tahun 1976 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di BNM termasuk Ketua Perwakilan di Pejabat Perwakilan BNM di London dan Pengarah Jabatan Pengawasan Bank. Beliau merupakan Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dari tahun 1999 hingga 2001.

Semenjak pelantikan beliau, Encik Mohd Razif menghadiri dua daripada tiga mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

*Encik Mohd Razif Abdul Kadir, Malaysian, aged 49, was appointed to the Board of Directors on 27 February 2001 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Audit Committee.*

*Encik Mohd Razif is the Assistant Governor of Bank Negara Malaysia (BNM). He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya and obtained his Masters in Business Administration (majoring in Finance) from Syracuse University, New York, USA. He joined BNM in 1976 and since then, has held various senior positions in BNM including the position of the Chief Representative of BNM London Representative Office and Director of Bank Regulation Department. He was the Director-General of Labuan Offshore Financial Services Authority from 1999 to 2001.*

*Since his appointment, Encik Mohd Razif attended two out of three Board meetings. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.*



## Dr. Rozali Mohamed Ali

Dr. Rozali Mohamed Ali, warganegara Malaysia, berusia 53 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2001 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dr. Rozali adalah Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputra-Commerce Bank Berhad dan Pengerusi Commerce International Merchant Bankers Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) dari Brighton Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1970 dan menerima Ijazah Sarjana Sains dan Ijazah Doktor Falsafah dari Imperial College of Science and Technology, London. Dari tahun 1970 hingga 1990, Dr. Rozali telah memegang pelbagai jawatan kejuruteraan di Lembaga Letrik Negara, Malaysia. Sebelum menyertai Commerce-Asset Holding Berhad sebagai Pengarah Eksekutif, beliau merupakan Penolong Ketua Pengarah di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) dari tahun 1990 hingga 1995. Beliau juga merupakan pengarah di dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Bumiputra-Commerce Finance Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Selain itu, beliau adalah Pengerusi Persatuan Bank-bank dalam Malaysia.



Semenjak pelantikan beliau, Dr. Rozali menghadiri ketiga-tiga mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh 10 lepas.

*Dr. Rozali Mohamed Ali, Malaysian, aged 53, was appointed to the Board of Directors on 27 February 2001 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Finance Committee and Board Staff Compensation and Organisation Committee.*

*Dr. Rozali is the Managing Director/Chief Executive Officer of Bumiputra-Commerce Bank Berhad and the Chairman of Commerce International Merchant Bankers Berhad. He graduated with a Bachelor of Mechanical Engineering (Hons) degree from Brighton Polytechnic, United Kingdom in 1970 and obtained his M.Sc and Ph.D. degrees from the Imperial College of Science and Technology, London. From 1970 to 1990, Dr. Rozali held various engineering positions with the National Electricity Board, Malaysia. Prior to joining Commerce-Asset Holding Berhad as an Executive Director, he was the Assistant Director-General at the Institute of Strategic and International Studies Malaysia from 1990 to 1995. His other directorships in public companies include Bumiputra-Commerce Finance Berhad and Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. In addition, he is the Chairman of The Association of Banks in Malaysia.*

*Since his appointment, Dr. Rozali attended all three Board meetings. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.*

## Dato' Wan Ismail Abdul Rahman

Dato' Wan Ismail Abdul Rahman, warganegara Malaysia, berusia 52 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 18 Januari 2002 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dato' Wan Ismail adalah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Mayban Finance Berhad. Beliau merupakan ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia. Beliau menyertai Mayban Finance Berhad dalam bulan Mei 1982 dan telah menjawat pelbagai jawatan kanan di dalam syarikat. Sebelum menyertai Mayban Finance Berhad, beliau pernah bekerja sebagai seorang Akauntan dengan pelbagai syarikat dari tahun 1975 hingga 1982. Beliau juga adalah Pengarah Aseamlease Berhad.

Dato' Wan Ismail tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

*Dato' Wan Ismail Abdul Rahman, Malaysian, aged 52, was appointed to the Board of Directors on 18 January 2002 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Executive Committee and Board Staff Compensation and Organisation Committee.*

*Dato' Wan Ismail is the Executive Director and Chief Executive Officer of Mayban Finance Berhad. He is a member of the Malaysian Association of Certified Public Accountants. He joined Mayban Finance Berhad in May 1982 and has held various senior positions within the company. Prior to joining Mayban Finance Berhad, he worked as an Accountant with various companies from 1975 to 1982. He is also a Director of Aseamlease Berhad.*

*Dato' Wan Ismail has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.*



Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia dan Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia, adalah bertanggungjawab merumus dasar am Syarikat. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh tiga orang Pengarah telah ditubuhkan untuk membuat keputusan bagi pihak Lembaga Pengarah sewaktu ia tidak bersidang. Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain terdiri daripada Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah yang mengkaji dan merumus dasar-dasar berkaitan dengan urusan perniagaan Syarikat, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah yang mengkaji pampasan dan faedah kakitangan serta rancangan organisasi dan sumber tenaga manusia dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang mengkaji audit yang dibuat ke atas Syarikat oleh juruaudit luar di samping keberkesanan tatacara kewangan dan kawalan dalaman.

*The Board of Directors of Cagamas Berhad, comprising nominees of Bank Negara Malaysia, The Association of Banks in Malaysia, the Association of Finance Companies of Malaysia and the Association of Merchant Banks in Malaysia, is responsible for the formulation of the Company's general policies. For the purpose of decision-making between Board meetings, a Board Executive Committee comprising three Directors acts on behalf of the Board. The other committees of the Board are the Board Finance Committee which reviews and develops policies for the Company's business operations, the Board Staff Compensation and Organisation Committee which reviews the compensation and benefits for staff as well as organisation and manpower planning and the Board Audit Committee which reviews the audit of the Company by the external auditors as well as the effectiveness of the financial and internal control procedures.*

#### **Ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah** **Members of the Board Executive Committee**

- Dato' Huang Sin Cheng  
(Pengerusi ♦ *Chairman*)
- Encik Md Agil Mohd Natt
- Dato' Wan Ismail Abdul Rahman

#### **Ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah** **Members of the Board Finance Committee**

- Datuk Amirsham A. Aziz  
(Pengerusi ♦ *Chairman*)
- Datuk Tay Ah Lek
- Dato' Huang Sin Cheng
- Encik Md Agil Mohd Natt
- Dr. Rozali Mohamed Ali

#### **Ahli Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah** **Members of the Board Staff Compensation and Organisation Committee**

- Tan Sri Dato' Azman Hashim  
(Pengerusi ♦ *Chairman*)
- Dr. Rozali Mohamed Ali
- Dato' Wan Ismail Abdul Rahman

#### **Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah** **Members of the Board Audit Committee**

- Dato' Tan Teong Hean  
(Pengerusi ♦ *Chairman*)
- Encik Lee Kam Chuen
- Puan Yvonne Chia
- Encik Mohamed Azmi Mahmood
- Encik Mohd Razif Abdul Kadir

**Hasil (RM juta) ◆ Revenue (RM million)**

	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Hasil Kendalian Kasar <i>Gross Operating Revenue</i>	308.8	447.9	537.1	739.1	997.9	1,394.6	1,884.2	1,465.6	1,298.8	1,145.8
Untung Sebelum Cukai dan Zakat <i>Profit Before Tax and Zakat</i>	29.0	51.6	88.6	108.4	131.0	173.8	240.2	220.4	197.9	165.1
Untung Selepas Cukai dan Zakat <i>Profit After Tax and Zakat</i>	19.0	35.0	61.8	75.7	91.5	124.6	172.8	220.3	141.7	118.4
Dividen Selepas Cukai <i>Dividend After Tax</i>	4.9	7.1	7.3	11.2	11.2	17.2	14.4	20.0	23.8	21.6 <sup>#</sup>

**Kunci Kira-Kira (RM juta) ◆ Balance Sheet (RM million)**

	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Pinjaman Gadaai Janji <i>Mortgage Loans</i>	5,345.3	6,076.4	9,944.0	11,881.9	16,141.6	22,045.1	22,275.5	18,480.7	18,566.6	15,828.6
Hutang Sewa Beli dan Pemajakan <i>Hire Purchase and Leasing Debts</i>	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	200.0	1,659.4	3,843.9	6,437.1
Jumlah Aset <i>Total Assets</i>	5,520.3	6,261.6	10,102.2	12,054.9	16,303.2	22,221.4	22,654.7	20,424.1	22,692.4	22,811.7
Sekuriti Hutang <i>Debt Securities</i>	5,116.4	5,936.7	9,474.5	11,289.6	15,698.5	21,343.6	21,197.3	19,370.0	21,442.0	21,516.5
Modal Berbayar <i>Paid-up Capital</i>	60.0	70.0	70.0	80.0	80.0	80.0	100.0	100.0	150.0	150.0
Rizab <i>Reserves</i>	58.2	75.7	130.2	184.1	264.2	371.6	510.0	710.3	796.6	885.8
Dana Pemegang Syer <i>Shareholders' Funds</i>	118.2	145.7	200.2	264.1	344.2	451.6	610.0	810.3	946.6	1,035.8

**Sesyer (sen) ◆ Per Share (sen)**

	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Perolehan* <i>Earnings*</i>	12.6	23.3	41.2	50.5	61.0	83.1	115.2	146.8	94.5	78.9
Aset Ketara Bersih* <i>Net Tangible Assets*</i>	78.8	97.1	133.5	176.1	229.5	301.1	406.7	540.2	631.1	690.5
Dividen Kasar <i>Gross Dividend</i>	12.5	15.0	15.0	20.0	20.0	30.0	20.0	20.0	22.0	20.0 <sup>#</sup>

**Nisbah Kewangan ◆ Financial Ratios**


	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) <i>Pre-tax Return on Average Shareholders' Funds (%)</i>	26.0	39.1	51.2	46.7	43.1	43.7	45.2	31.0	22.5	16.7
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) <i>After-tax Return on Average Shareholders' Funds (%)</i>	17.0	26.5	35.7	32.6	30.1	31.3	32.5	31.0	16.1	11.9
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) <i>Pre-tax Return on Average Total Assets (%)</i>	0.7	0.9	1.1	1.0	0.9	0.9	1.1	1.0	0.9	0.73
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) <i>After-tax Return on Average Total Assets (%)</i>	0.43	0.59	0.75	0.68	0.65	0.65	0.77	1.02	0.66	0.52
Lindungan Dividen (kali) <i>Dividend Cover (times)</i>	3.9	4.9	8.5	6.8	8.2	7.2	12.0	11.0	6.0	5.5 <sup>#</sup>

\* Berdasarkan 150 juta syer biasa RM1 setiap satu  
Based on 150 million ordinary shares of RM1 each

# Termasuk dividen kasar akhir dicadangkan iaitu 10 sen sesyur (ditolak cukai pendapatan) berjumlah RM10,800,000, bergantung kepada kelulusan para pemegang syer di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat  
Includes the proposed final gross dividend of 10 sen per share (less income tax) amounting to RM10,800,000, subject to shareholders' approval at the Annual General Meeting of the Company


### Hasil Kendalian Kasar Gross Operating Revenue

RM juta ♦ million




### Untung Sebelum Cukai dan Zakat Profit Before Tax and Zakat

RM juta ♦ million




### Perolehan Sesyer Earnings per Share

sen ♦ sen



### Aset Ketara Bersih Sesyer Net Tangible Assets per Share


sen ♦ sen






**Jumlah Aset**  
**Total Assets**

RM juta ♦ million




**Pulangan atas Purata Jumlah Aset**  
**Return on Average Total Assets**

peratus ♦ per cent




**Dana Pemegang Syer**  
**Shareholders' Funds**

RM juta ♦ million



**Pulangan atas Purata Dana Pemegang Syer**  
**Return on Average Shareholders' Funds**


peratus ♦ per cent



## Struktur Modal Syer Cagamas pada 1 Mac 2002 Cagamas' Share Capital Structure as at 1 March 2002

Modal Syer dibenarkan <i>Authorised Share Capital</i>	: 500 juta syer biasa RM1 setiap satu : 500 million ordinary shares of RM1 each
Modal diterbitkan dan berbayar <i>Issued and Paid-up Capital</i>	: 150 juta syer biasa RM1 setiap satu : 150 million ordinary shares of RM1 each

## Struktur Pemegangan Syer pada 1 Mac 2002 Shareholding Structure as at 1 March 2002



Institusi <i>Institutions</i>	% Pemegangan Syer <i>% Shareholding</i>	Bilangan Pemegang Syer <i>No. of Shareholders</i>	Julat % Pemegangan Syer <i>Range of % Shareholding</i>
Bank Negara Malaysia <i>Central Bank of Malaysia</i>	20.0	1	20.0
Bank Perdagangan <i>Commercial Banks</i>	52.5	20	0.2 - 10.0
Syarikat Kewangan <i>Finance Companies</i>	18.5	12	0.2 - 3.8
Bank Saudagar <i>Merchant Banks</i>	9.0	9	0.3 - 3.5
<b>Jumlah Total</b>	100.0	42	0.2 - 20.0

## Analisis Pemegang Syer pada 1 Mac 2002

### Analysis of Shareholdings as at 1 March 2002

Saiz Pemegang Syer <i>Size of Shareholding</i>	Bilangan Pemegang Syer <i>No. of Shareholders</i>	% Pemegang Syer <i>% of Shareholders</i>	Bilangan Syer Dipegang <i>No. of Shares Held</i>	% Modal Syer Diterbitkan <i>% of Issued Capital</i>
100,001 ke kurang dari 7,500,000 (5% daripada syer diterbitkan) <i>100,001 to less than 7,500,000 (5% of issued shares)</i>	38	90.5	82,230,600	54.8
7,500,000 (5%) dan lebih <i>7,500,000 (5%) and above</i>	4	9.5	67,769,400	45.2

## Sepuluh Pemegang Syer Terbesar mengikut Kumpulan Korporat pada 1 Mac 2002

### Ten Largest Shareholders by Corporate Group as at 1 March 2002

Pemegang Syer <i>Shareholders</i>	Bilangan Syer <i>No. of Shares</i>	% Pemegang Syer <i>% Shareholding</i>
<b>Bank Negara Malaysia</b>	<b>30,000,000</b>	<b>20.0</b>
<b>Maybank Group</b>	<b>18,861,000</b>	<b>12.5</b>
• Malayan Banking Berhad	11,739,000	7.8
• Mayban Finance Berhad	5,622,000	3.7
• Aseambankers Malaysia Berhad	1,500,000	1.0
<b>Commerce Group</b>	<b>17,406,000</b>	<b>11.6</b>
• Bumiputra-Commerce Bank Berhad	15,009,000	10.0
• Bumiputra-Commerce Finance Berhad	1,647,000	1.1
• Commerce International Merchant Bankers Berhad	750,000	0.5
<b>RHB Bank Group</b>	<b>12,689,400</b>	<b>8.5</b>
• RHB Bank Berhad	11,021,400	7.4
• RHB Sakura Merchant Bankers Berhad	1,200,000	0.8
• RHB Delta Finance Berhad	468,000	0.3
<b>Public Bank Group</b>	<b>10,485,600</b>	<b>7.0</b>
• Public Bank Berhad	7,479,600	5.0
• Public Finance Berhad	2,406,000	1.6
• Public Merchant Bank Berhad	600,000	0.4
<b>Arab-Malaysian Banking Group</b>	<b>7,908,000</b>	<b>5.3</b>
• Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad	5,289,000	3.5
• Arab-Malaysian Finance Berhad	2,394,000	1.6
• Arab-Malaysian Bank Berhad	225,000	0.2
<b>Southern Bank Group</b>	<b>7,728,000</b>	<b>5.2</b>
• Southern Bank Berhad	4,632,000	3.1
• Southern Finance Berhad	2,646,000	1.8
• Southern Investment Bank Berhad	450,000	0.3
<b>Hong Leong Bank Group</b>	<b>6,486,000</b>	<b>4.3</b>
• Hong Leong Finance Berhad	4,872,000	3.2
• Hong Leong Bank Berhad	1,614,000	1.1
<b>HSBC Bank Malaysia Berhad</b>	<b>6,201,000</b>	<b>4.1</b>
<b>Alliance Bank Group</b>	<b>5,583,000</b>	<b>3.7</b>
• Alliance Bank Malaysia Berhad	2,925,000	1.9
• Alliance Merchant Bank Berhad	2,400,000	1.6
• Alliance Finance Berhad	258,000	0.2

## Pemegang Syer Lain pada 1 Mac 2002 Other Shareholders as at 1 March 2002

Pemegang Syer Shareholders	Bilangan Syer No. of Shares	% Pemegangan Syer % Shareholding
<b>Bank Perdagangan ♦ Commercial Banks</b>		
• Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	4,590,000	3.1
• United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	3,330,000	2.2
• OCBC Bank (Malaysia) Berhad	2,997,000	2.0
• Affin Bank Berhad	2,403,000	1.6
• EON Bank Berhad	1,683,000	1.1
• Bank Utama (Malaysia) Berhad	843,000	0.6
• Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad	738,000	0.5
• Bangkok Bank Berhad	369,000	0.3
• The Bank of Nova Scotia Berhad	327,000	0.2
• ABN Amro Bank Berhad	300,000	0.2
• Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	300,000	0.2
<b>Syarikat Kewangan ♦ Finance Companies</b>		
• MBf Finance Berhad	3,558,000	2.4
• Kewangan Bersatu Berhad	1,818,000	1.2
• Affin-ACF Finance Berhad	1,257,000	0.8
• EON Finance Berhad	789,000	0.5
<b>Bank Saudagar ♦ Merchant Banks</b>		
• Affin Merchant Bank Berhad	750,000	0.5
• Utama Merchant Bank Berhad	600,000	0.4

## Senarai Kepentingan Para Pengarah dalam Syer pada 1 Mac 2002 List of Directors' Interest in Shares as at 1 March 2002

Nama Name	Kepentingan dianggap ♦ Deemed interest	
	Syer Biasa RM1 setiap satu Ordinary Shares of RM1 each	
	No.	%
Tan Sri Dato' Azman Hashim <sup>1</sup>	7,908,000	5.3
Dato' Tan Teong Hean <sup>2</sup>	7,278,000	4.9

1 Kepentingan dianggap mengikut Seksyen 6A Akta Syarikat, 1965 kerana kepentingan beliau melalui Arab-Malaysian Corporation Berhad, Arab-Malaysian Equipment Trading Sdn Bhd, Azman Hashim Holdings Sdn Bhd dan Slan Sdn Bhd dalam AMMB Holdings Berhad, yang mempunyai kepentingan di dalam Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad, Arab-Malaysian Finance Berhad dan Arab-Malaysian Bank Berhad.

*Deemed interest pursuant to Section 6A of the Companies Act, 1965 by virtue of his interest held through Arab-Malaysian Corporation Berhad, Arab-Malaysian Equipment Trading Sdn Bhd, Azman Hashim Holdings Sdn Bhd and Slan Sdn Bhd in AMMB Holdings Berhad, which in turn has interest in Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad, Arab-Malaysian Finance Berhad and Arab-Malaysian Bank Berhad.*

2 Kepentingan dianggap mengikut Seksyen 6A Akta Syarikat, 1965 kerana pemegangan syer beliau secara langsung dan tidak langsung dalam Southern Bank Berhad dan pemegangan syer secara langsung oleh Southern Bank Berhad di dalam Southern Finance Berhad.

*Deemed interest pursuant to Section 6A of the Companies Act, 1965 by virtue of his direct and indirect shareholdings in Southern Bank Berhad and Southern Bank Berhad's direct shareholding in Southern Finance Berhad.*



CARTA ORGANISASI ORGANISATION CHART





**Puan Essah Yusoff**  
Ketua Pegawai Operasi  
*Chief Operating Officer*



**Encik N. Kokularupan**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chief Executive Officer*



**Encik Ahmad Fakar Abdul Ghaffar**  
Setiausaha Syarikat  
*Company Secretary*



**Encik S. Shanmuganathan**  
Ketua, Sistem Pengurusan Maklumat  
*Head, Management Information Systems*



**Encik Azizi Ali**  
Ketua, Perbendaharaan  
*Head, Treasury*



**Puan Peggy Heng Yea Chin**  
Ketua, Operasi  
*Head, Operations*



**Puan Mazura Muhamad**  
Ketua, Audit Dalaman  
*Head, Internal Audit*

**Ahli Pengurusan ♦ Management Team**

- **Encik N. Kokularupan**  
Ketua Pegawai Eksekutif ♦ *Chief Executive Officer*
- **Puan Essah Yusoff**  
Ketua Pegawai Operasi ♦ *Chief Operating Officer*
- **Encik Ahmad Fakar Abdul Ghaffar**  
Setiausaha Syarikat ♦ *Company Secretary*
- **Encik S. Shanmuganathan**  
Ketua, Sistem Pengurusan Maklumat ♦ *Head, Management Information Systems*
- **Encik Azizi Ali**  
Ketua, Perbendaharaan ♦ *Head, Treasury*
- **Puan Peggy Heng Yea Chin**  
Ketua, Operasi ♦ *Head, Operations*
- **Puan Mazura Muhamad**  
Ketua, Audit Dalaman ♦ *Head, Internal Audit*

**Pejabat Berdaftar ♦ Registered Office**


19th Floor, West Wing, Menara Maybank  
100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur  
Tel: 603-2078 3688  
Fax: 603-2078 7867  
Website: [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my)  
e-mail: [info@cagamas.po.my](mailto:info@cagamas.po.my)

**Juruaudit ♦ Auditors**

Messrs. PricewaterhouseCoopers  
11th Floor, Wisma Sime Darby  
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

**Jurubank ♦ Bankers**

- Bank Negara Malaysia
- Malayan Banking Berhad
- Bumiputra-Commerce Bank Berhad



**Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Kelima Belas dan Penyata Kewangan Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.**





Cagamas terus menunjukkan pencapaian yang baik pada tahun 2001 walaupun telah beroperasi dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan di dalam sistem perbankan dan kadar faedah yang rendah. Di dalam persekitaran sedemikian, institusi kewangan kurang aktif untuk menjual pinjaman dan hutang mereka. Di samping itu, persekitaran operasi menjadi lebih bersaing memandangkan institusi kewangan kini boleh mensekuritikan sendiri pinjaman dan hutang mereka di bawah Garis Panduan Pensekuritian Berlandaskan Aset yang diperkenalkan dalam bulan April 2001.

Syarikat telah mengambil beberapa inisiatif bagi menggalakkan serta meningkatkan penjualan pinjaman dan hutang oleh institusi kewangan kepada Cagamas. Pertama, Syarikat telah menurunkan kadar Cagamas di sepanjang tahun selaras dengan penurunan kadar hasil bon dan pengekal polisi penentuan harga yang lebih baik. Kedua, Syarikat telah memperhebatkan usaha-usaha pemasarannya bagi menggalakkan institusi kewangan mengunci kedudukan mereka semasa kadar Cagamas berada pada tahap terendah di dalam sejarah. Pada peringkat industri pula, penarikan had jualan yang dikenakan ke atas rumah berharga melebihi RM150,000 oleh Bank Negara Malaysia telah meningkatkan jumlah pinjaman perumahan yang boleh dijual dengan hak tuntutan balik oleh institusi kewangan kepada Cagamas. Gabungan langkah-langkah tersebut telah membolehkan Cagamas mencatat jumlah pembelian yang memberangsangkan sebanyak RM7,321 juta dalam tahun 2001.

Kadar Cagamas yang rendah dan pelbagai produk yang ditawarkan oleh Cagamas telah memberi peluang kepada institusi kewangan untuk mendapatkan dana pada kos yang rendah untuk tempoh yang lebih panjang. Ini membolehkan mereka melindungi nilai dari pendedahan kepada kadar faedah. Oleh yang demikian, institusi kewangan dapat menyalurkan faedah kos rendah tersebut kepada para peminjam dengan menawarkan pakej pinjaman perumahan yang menarik dan berpatutan. Ini dapat dilihat daripada peningkatan persaingan di antara institusi kewangan dalam tahun 2001 untuk menawarkan pinjaman perumahan bercirikan kadar tetap yang rendah untuk beberapa tahun permulaan. Di dalam proses tersebut, Cagamas dapat membantu menggalakkan pemilikan rumah, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana, seterusnya menggalakkan pembangunan di dalam sektor perumahan dan pembinaan.

#### **Prestasi Kewangan**

Walaupun beroperasi di dalam persekitaran perniagaan yang mencabar, Syarikat telah mengekalkan untung sebelum cukai pada tahap yang memberangsangkan sebanyak RM165 juta untuk tahun kewangan 2001. Untung sebelum cukai ini adalah lebih rendah berbanding dengan untung sebelum cukai sebanyak RM198 juta yang dicatatkan dalam tahun 2000. Ini adalah disebabkan oleh jumlah pembelian pinjaman dan hutang yang lebih rendah serta pelaksanaan polisi penentuan harga yang lebih baik oleh Syarikat bagi menyalurkan dana pada kos yang rendah kepada pemberi pinjaman utama.

Selaras dengan itu, pulangan selepas cukai sesyer telah merosot dari 95 sen dalam tahun 2000 ke 79 sen dalam tahun 2001, menghasilkan pulangan selepas cukai sebanyak 11.9% ke atas purata dana pemegang syer, berbanding dengan 16.1% dalam tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, dana pemegang syer Syarikat telah buat pertama kalinya mengatasi paras RM1 billion dalam bulan November. Pada sepanjang tahun, ianya telah meningkat sebanyak 9.4% dari RM947 juta pada akhir tahun 2000 ke RM1,036 juta pada akhir tahun 2001. Aset ketara bersih sesyer pula telah meningkat dari RM6.31 pada akhir tahun sebelumnya ke RM6.91 pada akhir tahun di dalam tinjauan.

Jumlah aset Syarikat telah meningkat sebanyak RM120 juta atau 0.5% ke RM22,812 juta pada akhir tahun 2001. Sebagai mencerminkan jenis perniagaan Syarikat, pembelian pinjaman dan hutang belum lunas berjumlah RM22,266 juta pada akhir tahun 2001 dan ini merupakan 97.6% daripada jumlah aset Syarikat, manakala sekuriti hutang belum tebus berjumlah RM21,517 juta, mewakili 98.8% daripada jumlah liabiliti Syarikat.

#### **Dividen**

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan pembayaran dividen interim sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) untuk setengah tahun pertama berakhir 30 Jun 2001. Lembaga Pengarah juga telah mencadangkan

**Syarikat telah mengekalkan untung sebelum cukai pada tahap yang memberangsangkan sebanyak RM165 juta untuk tahun kewangan 2001.**

pembayaran dividen akhir sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) setelah mengambil kira pencapaian Syarikat yang memberangsangkan. Ini menjadikan jumlah dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 kepada 20 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan), berbanding 22 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) dalam tahun 2000. Jumlah dividen yang dicadangkan untuk tahun 2001 mewakili lindungan dividen sebanyak 5.5 kali berbanding dengan 6.0 kali pada tahun sebelumnya.

#### Ulasan Operasi

Operasi perniagaan Cagamas bergantung kepada keadaan mudah tunai di dalam sistem perbankan dan arah pergerakan kadar faedah. Walaupun keadaan mudah tunai yang tinggi di dalam sistem perbankan berterusan dan persekitaran kadar faedah yang rendah, Cagamas telah berjaya membeli RM7,321 juta pinjaman perumahan, hutang sewa beli dan pemajakan dan pinjaman harta perindustrian dalam tahun 2001 berbanding dengan pembelian tertinggi di dalam sejarah sebanyak RM10,909 juta pada tahun 2000.

Institusi kewangan, terutamanya syarikat kewangan, telah menjual pinjaman dan hutang mereka bagi melindungi nilai portfolio mereka yang berkadar tetap sebagai reaksi kepada kadar tetap Cagamas yang rendah. Akibatnya, jumlah pembelian berkadar tetap menyumbang sebanyak 96.1% atau RM7,032 juta daripada jumlah pembelian dalam tahun 2001.

Dari segi jenis pembelian pinjaman dan hutang pula, pembelian hutang sewa beli dan pemajakan telah buat pertama kalinya mengatasi pembelian pinjaman perumahan dari institusi kewangan. Sepanjang tahun 2001, Syarikat telah membeli RM3,940 juta hutang sewa beli dan pemajakan, iaitu 53.8% daripada jumlah pembelannya. Pembelian pinjaman perumahan pula berjumlah RM3,349 juta atau 45.8%, manakala pinjaman harta perindustrian menyumbang sebanyak RM32 juta atau 0.4% daripada jumlah pembelian.

Disebabkan oleh jumlah pembelian balik dan pembayaran balik yang lebih tinggi berbanding dengan jumlah pembelian baru, pinjaman dan hutang belum lunas dalam portfolio Syarikat telah menurun sedikit sebanyak 0.6% dari RM22,410 juta pada akhir tahun 2000 ke RM22,266 juta pada akhir tahun 2001. Dari segi portfolio pinjaman dan hutang belum lunas pada akhir tahun 2001, jumlah pinjaman perumahan dan hutang pembiayaan rumah secara Islam adalah sebanyak RM15,452 juta atau 69.4%, manakala hutang sewa beli dan pemajakan pula berjumlah RM6,437 juta atau 28.9%. Bakinya sebanyak RM377 juta atau 1.7% pula adalah pinjaman harta perindustrian. Pada akhir tahun 2001, Cagamas telah membeli hanya 18.9% daripada jumlah pinjaman

perumahan belum lunas di dalam sistem perbankan. Ini menunjukkan Cagamas mempunyai potensi yang besar untuk terus berkembang dan di dalam proses tersebut, membantu menggerak dan menyediakan dana pada kos yang rendah kepada pemberi pinjaman utama. Ini seterusnya akan membantu pembangunan dalam industri perumahan dan pasaran sekuriti hutang swasta.

Selaras dengan polisi Kerajaan untuk menggalakkan perbankan Islam, Cagamas telah merangka dua produk Islam yang baru, iaitu hutang Sewa Beli Secara Islam dan hutang Pembiayaan Rumah Bersubsidi Secara Islam. Skim bagi hutang Sewa Beli Secara Islam telah diperkenalkan dalam bulan Disember 2001. Di bawah skim tersebut, hutang Sewa Beli Secara Islam yang diterbitkan di bawah prinsip Al-Ijarah Thumma Al-Bai akan dibeli oleh Cagamas berlandaskan prinsip Bai Al-Dayn. Produk Islam yang kedua iaitu skim bagi Pembiayaan Rumah Bersubsidi Secara Islam akan membolehkan Syarikat membeli hutang berkenaan dengan hak tuntutan balik dari institusi perbankan Islam, Kerajaan dan perbadanan terpilih.

Satu lagi produk baru ialah skim bagi Terimaan Kad Kredit yang membolehkan institusi kewangan menjual terimaan kad kredit mereka dengan hak tuntutan balik kepada Cagamas.

Skim-skim bagi hutang Pembiayaan Rumah Bersubsidi Secara Islam dan Terimaan Kad Kredit masih di peringkat akhir pelaksanaannya.

**Selaras dengan polisi Kerajaan untuk menggalakkan perbankan Islam, Cagamas telah merangka dua produk Islam yang baru, iaitu hutang Sewa Beli Secara Islam dan hutang Pembiayaan Rumah Bersubsidi Secara Islam.**





### Terbitan Bon

Syarikat terus memainkan peranan yang penting di dalam pasaran modal dalam tahun 2001. Di sepanjang tahun, terdapat 44 terbitan bon dan nota dengan nilai nominal sebanyak RM17,400 juta, berbanding dengan 49 terbitan dengan nilai nominal sebanyak RM22,729 juta pada tahun 2000. Sebanyak 25 terbitan terdiri daripada bon berkadar tetap berjumlah RM6,430 juta (termasuk pembukaan semula RM2,858 juta bon yang sedia ada) dan 19 terbitan adalah nota diskaun jangka pendek berjumlah RM10,970 juta.

Pada 31 Disember 2001, sekuriti hutang Cagamas belum tebus adalah sebanyak RM21,537 juta berbanding dengan RM21,479 juta pada akhir tahun sebelumnya. Bon berkadar tetap merangkumi RM18,283 juta atau 84.9% dan ini merupakan bahagian terbesar sekuriti hutang Cagamas belum tebus. Ini diikuti oleh nota diskaun jangka pendek berjumlah RM3,110 juta atau 14.4%. Bakinya sebanyak 0.7% atau RM144 juta terdiri daripada Sanadat Mudharabah Cagamas. Pada akhir tahun 2001, bon Cagamas belum tebus adalah sebanyak RM18,283 juta dan ini merupakan 13.4% daripada sekuriti hutang swasta dan 6.6% daripada jumlah bon (termasuk sekuriti sektor awam) belum tebus di dalam pasaran modal.

Sebagai mencerminkan kualiti yang unggul bagi sekuriti Cagamas, bon dan nota Cagamas yang diterbitkan pada tahun 2001 terus menerima penarafan tertinggi iaitu AAA dan P1 dari Rating Agency Malaysia Berhad dan AAA dan MARC-1 dari Malaysian Rating Corporation Berhad.

Buat pertama kalinya, Syarikat telah menerbitkan bon berkadar tetap 10 tahun dalam bulan Disember 2001 bagi membiayai pembelian pinjaman perumahannya untuk tempoh 10 tahun. Terbitan tersebut memberi kesan yang ketara kerana ia memanjangkan lagi keluk kadar hasil sekuriti hutang Cagamas. Ini seterusnya akan membolehkan Cagamas menentukan harga bagi pembelian pinjaman dan hutangnya untuk tempoh yang lebih panjang pada masa hadapan.

### Inisiatif dalam Tahun 2001

Menyedari akan cabaran yang bakal dihadapi dan bagi memenuhi serta menyokong strategi perniagaan Syarikat pada masa kini dan akan datang, Cagamas telah menggunakan khidmat perunding luar dalam bulan Ogos 2001 untuk merumus Pelan Induk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang menyeluruh. Dengan adanya sistem maklumat pengurusan yang dirancang dengan baik dan bersepadu, Syarikat akan berupaya untuk meningkatkan produktiviti, melaksanakan proses kerja yang lebih cekap, menghasilkan produk dan perkhidmatan baru yang lebih berkesan dan mempertingkatkan amalan pengurusan risiko. Bagi membolehkan Syarikat bertindak dengan cepat dan kreatif dalam menghadapi cabaran-cabaran baru, Syarikat telah mengenal pasti keperluan untuk menggunakan pengaruh teknologi dalam menyokong strategi perniagaannya.

Syarikat telah mengambil langkah untuk mengkomputerkan operasi bagi hutang sewa beli dan pemajakannya dalam bulan Julai 2001 memandangkan peningkatan kepentingan hutang sewa beli dan pemajakan di dalam profil aset Syarikat. Sistem aplikasi ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang bulan April 2002. Dengan adanya aplikasi tersebut, Syarikat akan berupaya untuk meningkatkan lagi kelancaran serta kecekapannya dalam memenuhi keperluan pelanggan.

Syarikat juga telah memperketatkan amalan pengurusan risikonya secara berperingkat-peringkat serta menyediakan kaedah bagi audit dalaman berdasarkan risiko untuk memperkukuhkan lagi daya ketahanan Syarikat dari kejutan dan pengaruh luaran. Syarikat telah mewujudkan satu unit pengurusan risiko yang bebas dengan tujuan untuk membangun serta mengesahkan rangka kerja pengurusan risiko yang bersepadu dan terancang, yang akan meningkatkan kemampuan pengurusan dalam mengendalikan risiko Syarikat dengan lebih baik. Pelaburan Syarikat di dalam sebuah sistem aplikasi pengurusan aset dan liabiliti dijangka berupaya untuk meningkatkan serta memperkukuhkan lagi kemampuan Syarikat dalam mengekalkan struktur kunci kira-kira yang kukuh, seterusnya memperbaiki prospek daya maju dan keuntungan jangka panjang.

**Buat pertama kalinya, Syarikat telah menerbitkan bon berkadar tetap 10 tahun dalam bulan Disember 2001 bagi membiayai pembelian pinjaman perumahannya untuk tempoh 10 tahun.**

Selaras dengan harapan tinggi para pemegang syer dan para pelanggannya, Syarikat adalah komited dalam memperkenalkan ketelusan dan integriti yang tinggi dalam melaksanakan kesemua aspek operasi perniagaannya dengan mempertingkatkan piawai urus tadbir korporat. Sehingga kini, Syarikat telah mengambil langkah untuk melaksanakan prinsip dan amalan terbaik seperti yang dinyatakan di dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia.

Bagi memenuhi komitmen tersebut, Cagamas berpegang teguh kepada rejim berdasarkan pendedahan yang mengekalkan piawai yang tinggi bagi laporan kewangan dan memberi maklumat kewangan dan maklumat-maklumat korporat lain yang terperinci, berkaitan dan boleh dipercayai bagi membolehkan para pemegang syer dan para pelaburnya mengukur nilai sebenar Syarikat dan potensinya. Sehubungan dengan itu, Cagamas telah mempertingkatkan dengan ketara tahap pendedahannya di dalam Laporan Tahunannya. Syarikat telah buat pertama kalinya dalam tahun 2001 mengemukakan Laporan Tahunannya untuk Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2001 di bawah kategori organisasi tak tersenarai. Hasil daripada usaha tersebut, Cagamas telah memenangi anugerah bagi kecemerlangan keseluruhan dalam laporan tahunannya di bawah kategori "Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Tak Tersenarai" untuk tahun 2001.

Untuk terus maju di dalam landskap kewangan yang berubah dengan pantas dan mengekalkan pertumbuhan pada tahun-tahun akan datang, Lembaga Pengarah telah mengambil langkah proaktif dengan menerajui dan mencartakan hala tuju Syarikat pada masa hadapan dengan menyemak secara berterusan hala tuju dan fokus strategik Syarikat.

Oleh yang demikian, Syarikat telah mengendalikan satu bengkel dengan para pengarahnya untuk meletakkan Cagamas di dalam kedudukan yang lebih kukuh dan strategik bagi menangani cabaran-cabaran dan peluang-peluang baru.

#### Prospek

Perubahan persekitaran yang pantas akan membawa cabaran-cabaran serta membuka peluang-peluang baru. Oleh yang demikian, Syarikat harus berusaha dengan lebih gigih untuk menanda aras dirinya dengan piawai yang lebih tinggi dan jangkaan pasaran untuk terus memainkan peranan yang bermakna dalam membangunkan pasaran sekuriti hutang Malaysia dan untuk kekal sebagai syarikat pensekuritan gadai janji yang ulung.

Memandangkan tujuan utama institusi kewangan menjual pinjaman dan hutang mereka kepada Cagamas ialah untuk mendapatkan mudah tunai dan melindungi nilai portfolio mereka dari kenaikan kadar faedah, jumlah perniagaan Cagamas pada tahun depan akan bergantung sebahagian besarnya kepada keadaan mudah tunai dan arah pergerakan kadar faedah.

Keupayaan Cagamas akan teruji dalam menyesuaikan strateginya yang sedia ada dan dalam mengambil kesempatan di atas cabaran-cabaran yang timbul daripada:

- penggabungan para peserta dalam pasaran kewangan;
- perubahan di dalam landskap operasi para peserta dalam pasaran kewangan;
- langkah ke arah rangka kerja pengawalan yang lebih berorientasikan pasaran;
- mudah tunai yang tinggi di dalam sistem kewangan; dan
- kemajuan teknologi yang pesat dan kemunculan e-Dagang

dan menukarkan cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas kepada peluang perniagaan.

Syarikat akan terus memberi tumpuan kepada pinjaman perumahan iaitu produk tradisionalnya yang utama pada tahun 2002, di samping terus mencari peluang untuk membeli aset-aset jenis lain. Sehubungan dengan itu, penekanan akan diberikan dalam memperbaiki skim bagi pembelian tanpa hak tuntutan balik supaya ianya lebih berdaya saing dan lebih menarik kepada institusi kewangan untuk menjual pinjaman gadai janji mereka di bawah skim tersebut. Walaupun skim tersebut telah dilancarkan dalam bulan Mac 1999, sehingga kini tiada sebarang pembelian dibuat memandangkan keadaan pasaran yang tidak begitu menggalakkan serta halangan yang lain. Syarikat tidak mempunyai pilihan kecuali untuk maju ke hadapan dengan pensekuritan tanpa hak tuntutan balik untuk terus kekal sebagai peneraju dan penggerak pasaran bagi pensekuritan gadai janji.

**Syarikat akan terus memberi tumpuan kepada pinjaman perumahan iaitu produk tradisionalnya yang utama pada tahun 2002, di samping terus mencari peluang untuk membeli aset-aset jenis lain.**



Satu lagi perkara penting yang akan ditumpukan oleh Syarikat ialah mempelbagaikan para pelaburnya. Pada akhir tahun 2001, sekuriti hutang Cagamas di dalam pegangan institusi perbankan telah menurun dari 62.4% pada tahun 2000 ke 54.8% pada tahun 2001, manakala pegangan oleh institusi bukan perbankan telah meningkat dari 37.6% pada tahun 2000 ke 45.2% pada tahun 2001. Syarikat akan terus mempelbagaikan para pelaburnya dengan mengadakan pemasaran yang lebih agresif kepada institusi bukan perbankan supaya nisbah sekuriti hutang yang dipegang oleh institusi tersebut lebih tinggi daripada yang dipegang oleh institusi perbankan. Permintaan yang lebih tinggi oleh institusi bukan perbankan akan meningkatkan daya saing kadar hasil sekuriti hutang Cagamas, seterusnya membolehkan Syarikat mencapai matlamatnya untuk menyalurkan dana pada kos yang lebih rendah kepada institusi kewangan.

Inisiatif-inisiatif ICT yang dirancang untuk tiga tahun yang akan datang akan membawa Syarikat ke sempadan teknologi baru. Mengamalkan serta menggunakan pengaruh teknologi terkini akan menjadi satu cabaran kepada Cagamas, terutamanya dalam mengintegrasikannya ke dalam arus utama perniagaan. Syarikat akan menggunakan sumber-sumber teknologi untuk meningkatkan operasinya bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan dan mengembangkan operasi perniagaannya. Cagamas juga akan mengkaji aplikasi baru dan memperkenalkan sistem berdasarkan internet untuk institusi kewangan, bagi memudahkan pemprosesan pinjaman dan hutang di samping menyediakan laluan terus kepada maklumat. Syarikat dijangka akan menyiapkan pengkomputeran sistem pemprosesan urus niaga bagi portfolio hutang sewa beli dan pemajakannya, yang telah meningkat dengan pesat, menjelang bulan April 2002.

### **Penghargaan**

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pelanggan serta para pemegang syer di atas sokongan dan komitmen berterusan yang diberikan dalam mencapai matlamat Syarikat. Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak berkuasa, terutamanya Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti dan Pendaftar Syarikat. Sokongan serta bantuan yang berterusan dan berharga dari mereka telah membolehkan Cagamas memainkan peranannya dengan berkesan sebagai sebuah institusi gadai janji sekunder dan menyumbang ke arah pembangunan pasaran sekuriti hutang.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Dato' Wan Ismail Abdul Rahman yang telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah dalam bulan Januari 2002. Saya ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah kepada Pengarah kami, mendiang Encik Kok Nam Soon yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah dengan dedikasi dan komitmen sepanjang penglibatan beliau dalam Syarikat. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan Lembaga Pengarah kepada Encik Kamal Batcha Dawood yang telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah, di atas sumbangan berharga beliau dalam pembangunan dan pertumbuhan Syarikat.

**Zeti Akhtar Aziz**  
Pengerusi

**Inisiatif-inisiatif ICT  
yang dirancang untuk  
tiga tahun yang akan  
datang akan membawa  
Syarikat ke sempadan  
teknologi baru.**

### Aktiviti Pembelian

Cagamas membeli pinjaman gadaai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan (dikenali sebagai pinjaman-pinjaman) berjumlah RM7.3 billion dalam tahun 2001 berbanding dengan RM10.9 billion dalam tahun 2000. Penurunan pembelian pinjaman-pinjaman ini adalah disebabkan oleh lebih kecairan yang berterusan di dalam sistem perbankan di sepanjang tahun 2001 dan keengganan institusi kewangan untuk menutup kedudukan kadar faedah dengan menjual pinjaman-pinjaman mereka kepada Cagamas kerana mereka secara amnya tidak pasti sama ada kadar faedah telah berada diparas terendah.

Sepanjang setengah tahun pertama, Syarikat telah membeli sejumlah RM5.1 billion pinjaman-pinjaman berbanding RM4.7 billion bagi jangka masa yang sama dalam tahun 2000. Ini merangkumi 69.9% daripada jumlah pembelian pinjaman-pinjaman di sepanjang tahun berkenaan. Penjualan pinjaman-pinjaman dari institusi kewangan meningkat ke RM1.8 billion dalam bulan Mac 2001 berikutan dengan penurunan kadar Cagamas secara beransur-ansur serta kebimbangan tentang kemungkinan Bank Negara Malaysia akan mengehadkan semula penjualan pinjaman perumahan bagi rumah yang bernilai melebihi RM150,000. Ini merupakan rekod pembelian tertinggi yang dibuat di dalam satu bulan di sepanjang tahun dan ini merangkumi 24.7% daripada jumlah pembelian dalam tahun 2001.

Sepanjang setengah tahun kedua, pembelian pinjaman-pinjaman hanya berjumlah RM2.2 billion. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh lebih kecairan yang berterusan di dalam sistem perbankan di samping tanggapan di pasaran terhadap penurunan dalam kadar faedah. Syarikat telah menawarkan untuk membeli pinjaman perumahan pada kadar terapung di bawah paras KLIBOR 3 bulan memandangkan kadar swap adalah menggalakkan pada setengah tahun kedua. Pembelian ini telah diswapkan dengan kadar tetap dan bon berkadar tetap telah diterbitkan. Di antara bulan Julai hingga Disember 2001, Syarikat telah membeli sejumlah RM289 juta pinjaman perumahan pada kadar terapung.

Syarikat telah memasarkan dengan aktifnya kemudahan bagi pembelian hutang sewa beli dan pemajakan melalui pihak ketiga kepada syarikat kredit dan pemajakan sejak ianya diperkenalkan dalam bulan November 2000. Sambutan yang diterima adalah menggalakkan dan 12 syarikat telah menunjukkan minat kepada skim tersebut manakala satu syarikat kredit telah menjual RM20 juta hutang sewa beli melalui pihak ketiga dalam tahun 2001.

Institusi kewangan telah mengambil peluang untuk menjual pinjaman mereka bagi tempoh yang lebih panjang memandangkan kadar Cagamas berada di paras terendah dalam tahun 2001. Sejumlah 59.6% daripada pembelian di sepanjang tahun berkenaan adalah bagi tempoh di antara empat hingga 10 tahun berbanding dengan 27.0% pada tahun sebelumnya. Untuk pertama kalinya semenjak memulakan operasi dalam bulan Oktober 1987, satu bank perdagangan telah menjual pinjaman perumahannya untuk tempoh lapan tahun manakala dua bank perdagangan pula telah menjual pinjaman perumahan mereka bagi tempoh 10 tahun.

**Jadual I**  
**Pembelian Pinjaman-pinjaman**

	2001		2000	
	RM juta	%	RM juta	%
<b>Jenis Pinjaman</b>				
• Pinjaman Perumahan	3,349	45.8	7,591	69.6
- Utama	( 381 )	( 11.4 )	( 2,304 )	( 30.4 )
- Biasa	( 2,968 )	( 88.6 )	( 5,287 )	( 69.6 )
• Hutang Sewa Beli dan Pemajakan	3,940	53.8	2,930	26.8
• Pinjaman Harta Perindustrian	32	0.4	239	2.2
• Hutang Pembiayaan Rumah Secara Islam	-	-	149	1.4
<b>Penjual</b>				
• Bank Perdagangan	3,125	42.7	5,118	46.9
• Syarikat Kewangan	4,066	55.5	5,515	50.5
• Bank Saudagar	130	1.8	224	2.1
• Kerajaan	-	-	-	-
• Perbadanan	-	-	52	0.5
<b>Jenis Opysen</b>				
• Kadar Tetap	7,032	96.1	9,064	83.1
• Kadar Terapung	289	3.9	945	8.7
• Kadar Boleh Tukar	-	-	900	8.2
<b>Jumlah</b>	<b>7,321</b>	<b>100.0</b>	<b>10,909</b>	<b>100.0</b>

Penganalisan ke atas Jadual I menunjukkan bahawa:

- Hutang sewa beli dan pemajakan yang dijual oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak 34.5% dari RM2,930 juta dalam tahun 2000 ke RM3,940 juta dalam tahun 2001. Ini menyebabkan jumlah hutang sewa beli dan pemajakan yang dibeli merangkumi 53.8% daripada jumlah pembelian dalam tahun 2001. Sebaliknya pinjaman perumahan hanya merangkumi 45.8% daripada jumlah pembelian.
- Kadar Cagamas yang berada di paras terendah iaitu 3.35% setahun telah merangsang syarikat kewangan untuk lebih aktif dalam menjual hutang sewa beli dan pemajakan mereka untuk melindungi nilai dari kenaikan kadar faedah. Syarikat kewangan merangkumi 55.5% daripada jumlah pembelian berbanding 42.7% oleh bank perdagangan. Sejumlah 10 bank perdagangan dan tujuh syarikat kewangan menjual pinjaman-pinjaman mereka dalam tahun 2001. Lima institusi merangkumi 90.0% daripada jumlah pembelian dari bank perdagangan manakala empat institusi merangkumi sebanyak 76.0% daripada pembelian dari syarikat kewangan.
- Kerajaan dan perbadanan yang terpilih tidak menjual sebarang pinjaman perumahan kakitangan mereka kepada Cagamas di sepanjang tahun ini.
- Keputusan Bank Negara Malaysia pada 31 Mac 2001 untuk tidak mengehendkan penjualan pinjaman bagi rumah yang bernilai melebihi RM150,000 telah membolehkan institusi kewangan untuk menjual pinjaman perumahan biasa mereka (pinjaman bagi rumah melebihi RM100,000) di sepanjang tahun ini.



- (e) Sejar dengan kadar Cagamas yang berada di paras terendah, 96.1% daripada pinjaman yang dijual dalam tahun 2001 adalah berdasarkan kadar tetap berbanding dengan 83.1% dalam tahun sebelumnya.
- (f) Cagamas membeli RM110 juta pinjaman perumahan dari dua institusi dan RM20 juta hutang sewa beli dan pemajakan dari satu syarikat kredit melalui pihak ketiga.

### Portfolio Belum Lunas

Jumlah pegangan pinjaman-pinjaman belum lunas oleh Cagamas menurun sedikit sebanyak 0.6% dari RM22,410 juta pada akhir tahun 2000 ke RM22,266 juta pada akhir tahun 2001. Penurunan ini disebabkan oleh pembelian balik dan pembayaran balik pinjaman berjumlah RM7,465 juta yang melebihi pembelian baru berjumlah RM7,321 juta. Mengikut komposisi pinjaman-pinjaman belum lunas pada akhir tahun 2001, pinjaman perumahan dan hutang pembiayaan rumah secara Islam berjumlah RM15,452 juta atau 69.4% manakala hutang sewa beli dan pemajakan berjumlah RM6,437 juta atau 28.9%. Pinjaman harta perindustrian pula merangkumi baki sebanyak RM377 juta atau 1.7%.

### Produk Baru

Selain daripada menetapkan harga berdasarkan kadar Cagamas yang disiarkan, Syarikat telah memperkenalkan pembelian pinjaman-pinjaman mengikut kaedah kos-tambahan pada suku tahun terakhir dalam tahun 1999. Di bawah kaedah kos-tambahan ini, kadar yang dikenakan adalah berdasarkan kepada kos efektif sekuriti hutang yang diterbitkan untuk mendana pembelian dan ditambah margin yang dikehendaki oleh Cagamas. Di bawah pengaturannya ini, institusi kewangan dikehendaki menawarkan pinjaman minimum sebanyak RM300 juta untuk membolehkan Cagamas menerbitkan sekuriti hutang untuk mendana pembelian pinjaman-pinjaman tersebut. Syarikat buat pertama kalinya telah membeli RM1.3 billion pinjaman konvensional dari empat institusi kewangan di bawah kaedah kos-tambahan dalam tahun 2001. Pembelian pada kos-tambahan ini merangkumi 17.9% daripada jumlah pinjaman yang dibeli dalam tahun 2001.

Syarikat telah memperkenalkan beberapa produk baru di sepanjang tahun ini. Produk-produk ini akan membantu meningkatkan reaksi pasaran bukan sahaja untuk memenuhi keperluan kecairan para penjual, malah memberi mereka peluang untuk mempertingkatkan mekanisme melindungi nilai. Di antara inisiatif-inisiatif yang telah diambil adalah:

- **Hutang Sewa Beli Secara Islam**

Di bawah skim yang diperkenalkan dalam bulan Disember 2001 ini, Syarikat akan membeli hutang Sewa Beli Secara Islam (HSBI) dari institusi perbankan Islam dengan hak tuntutan balik. Hutang-hutang berkenaan telah diberi berdasarkan prinsip Al-Ijarah Thumma Al-Bai dan Cagamas pula akan membeli hutang-hutang berkenaan berdasarkan prinsip Bai Al-Dayn (perdagangan hutang). Dengan membeli HSBI ini, Syarikat akan berupaya untuk memperluaskan julat aset yang dapat dibeli.

- **Hutang Pembiayaan Rumah Bersubsidi Secara Islam**

Seperti mana HSBI, hutang pembiayaan rumah bersubsidi secara Islam (HPRS) akan dibeli dengan hak tuntutan balik dari institusi penjual, termasuklah institusi perbankan Islam, Kerajaan dan perbadanan yang terpilih. Pembelian ini juga adalah berdasarkan prinsip Bai Al-Dayn.

- **Terimaan Kad Kredit**

Di bawah skim ini, Cagamas akan membeli terimaan kad kredit dari institusi kewangan dengan hak tuntutan balik. Institusi kewangan sebagai pemilik asal akan menawarkan terimaan kad kredit dari akaun-akaun kad kredit yang menepati kriteria kelayakan untuk dijual kepada Cagamas. Terimaan kad kredit ini boleh dijual pada kadar tetap atau terapung untuk tempoh kajian semula di antara tiga hingga lima tahun. Penjual akan dilantik sebagai penyelenggara terimaan kad kredit tersebut dan bertanggungjawab untuk mengutip dan seterusnya membayar ansuran bulanan yang berkaitan kepada Cagamas. Amaun yang patut dibayar pada

waktu yang ditetapkan adalah berdasarkan ansuran Cagamas yang telah dipersetujui. Penjual bertanggungjawab untuk menggantikan terimaan atau membeli balik terimaan yang didapati tidak memenuhi jaminan-jaminan dan terma-terma yang berkaitan dengan penjualan tersebut. Institusi penjual akan membayar ansuran Cagamas bulanan yang meliputi faedah sahaja, manakala pokoknya pula akan diselesaikan secara pembayaran sekali gus.

Skim HPRS dan Terimaan Kad Kredit kini berada di peringkat akhir sebelum dilaksanakan sepenuhnya.

### Kadar Cagamas

Kadar Cagamas Utama 3 tahun telah berubah sebanyak 12 kali sepanjang tahun ini sejajar dengan kadar hasil bon semasa, berbanding dengan perubahan sebanyak lapan kali dalam tahun 2000, seperti yang tertera di Jadual II di bawah. Ekoran dari penurunan kadar hasil bon di sepanjang 11 bulan pertama dalam tahun ini, kadar Cagamas Utama 3 tahun telah diturunkan sebanyak 160 mata asas dari paras tertinggi 4.90% setahun dalam bulan Januari ke paras terendah dalam sejarah Cagamas iaitu 3.30% setahun dalam bulan Oktober 2001. Walau bagaimanapun, kadar Cagamas Utama 3 tahun meningkat dalam bulan Mei ekoran dari kenaikan dalam kadar hasil bon. Syarikat telah menaikkan kadar Cagamas Utama 3 tahun sebanyak tiga kali dalam tahun 2001. Kadar tetap Cagamas Utama 3 tahun telah dinaikkan sebanyak dua kali dalam bulan Disember ke 3.65% setahun berikutan dengan keutuhan dalam kadar hasil bon disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung dan kebimbangan terhadap instrumen aset mudah tunai yang berlebihan di dalam pasaran. Kadar Cagamas Biasa juga telah diubah di sepanjang tahun selaras dengan perubahan pada kadar Cagamas Utama.

### Jadual II

#### Kadar Tetap Cagamas 3 Tahun untuk Pembelian dengan Hak Tuntut Balik

Tarikh Berkuat Kuasa	Kadar Utama % setahun	Kadar Biasa % setahun
4 Disember 2000	4.90	4.95
8 Januari 2001	4.45	4.50
16 Februari 2001	4.05	4.10
17 Mac 2001	3.95	4.00
19 April 2001	3.80	3.85
25 Mei 2001	4.05	4.10
16 Jun 2001	3.85	3.90
2 Ogos 2001	3.70	3.75
10 September 2001	3.60	3.65
26 September 2001	3.50	3.55
8 Oktober 2001	3.30	3.35
5 Disember 2001	3.45	3.50
10 Disember 2001	3.65	3.70



### Perihal Skim

Cagamas telah memperkenalkan di dalam bulan Disember 2001 skim pembelian hutang Sewa Beli Secara Islam (HSBI) dengan hak tuntutan balik yang diberikan oleh institusi perbankan Islam berdasarkan prinsip Al-Ijarah Thumma Al-Bai (AITAB). Pembelian yang dilakukan berasaskan prinsip Bai Al-Dayn ini melibatkan pemindahan segala hak dan tuntutan hutang-hutang tersebut dari penjual kepada Cagamas.

Institusi perbankan Islam dikehendaki menandatangani Perjanjian Induk dan Perjanjian Perkhidmatan Induk sebelum menjual HSBI mereka kepada Cagamas. HSBI dibeli pada nilai baki buku hutang-hutang tersebut selepas ditolak untung belum diperolehi, jika ada, pada kadar tetap untuk tempoh kajian semula di antara tiga hingga tujuh tahun.

Institusi perbankan Islam akan terus menjaga dan mentadbir hutang-hutang yang dijual. Institusi perbankan Islam dikehendaki membeli balik HSBI yang tidak lagi menepati kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Cagamas dan menawarkan kepada Cagamas HSBI yang sama nilainya untuk menggantikan hutang-hutang yang dibeli balik pada setiap suku tahun.

Institusi perbankan Islam akan membayar kepada Cagamas ansuran bulanan yang telah diterima dari para pelanggannya selepas ditolak fi perkhidmatan bulanan belum bayar kepada institusi perbankan Islam tersebut. Fi perkhidmatan berkenaan telah dipersetujui semasa Cagamas membeli hutang-hutang tersebut. Pada akhir tempoh kajian semula, penjual diberikan pilihan sama ada untuk menyambung kontrak berkenaan untuk tempoh kajian semula selanjutnya pada fi perkhidmatan semasa atau membeli balik kesemua baki HSBI yang telah dijual kepada Cagamas.

### Ciri-Ciri Utama Skim

- Pembelian HSBI dibuat berdasarkan kadar tetap untuk tempoh kajian semula di antara tiga hingga tujuh tahun seperti yang telah dipersetujui dengan institusi perbankan Islam.
- Jumlah minimum bagi setiap urusan niaga bagi setiap institusi perbankan Islam adalah RM1 juta.
- Kadar pulangan diperlukan Cagamas (kadar Cagamas) yang dibayar oleh institusi perbankan Islam dikira berdasarkan kadar untung efektif untuk HSBI selepas ditolak kadar fi perkhidmatan.
- Pembelian HSBI adalah berdasarkan baki buku pada akhir bulan sebelum tarikh pembelian selepas ditolak untung belum diperolehi, jika ada.


### Kriteria Kelayakan bagi HSBI

HSBI hanya layak dijual kepada Cagamas sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- Ianya berkaitan dengan sewa beli alat-alat kelengkapan secara Islam berasaskan prinsip AITAB.
- Telah dikeluarkan sepenuhnya dan dilunaskan.
- Tidak tertunggak lebih daripada tiga bulan semasa dijual.
- Mempunyai tempoh hayat yang berakhir pada atau selepas tarikh kajian semula.
- Mempunyai baki buku tidak melebihi RM2 juta bagi setiap hutang selepas ditolak untung belum diperolehi, jika ada.
- Kadar untung efektif selepas ditolak kadar fi perkhidmatan hendaklah bersamaan dengan atau lebih dari kadar Cagamas.
- Memenuhi kriteria lain yang terdapat dalam Panduan Cagamas bagi HSBI.

### Kelebihan-kelebihan Skim kepada Penjual

- Kemudahan pembelian ini boleh digunakan untuk melindungi nilai dari risiko kadar faedah di samping mengurangkan masalah berkaitan dengan ketidakpadanan kematangan pendanaan dengan HSBI yang berkaitan.
- HSBI yang sebelum ini tidak mudah tunai akan menjadi aset mudah tunai kerana hutang-hutang berkenaan boleh dijual kepada Cagamas pada bila-bila masa.
- Dana pada kos yang rendah yang diperolehi dari Cagamas boleh digunakan untuk membiayai lebih banyak lagi HSBI pada kadar yang lebih rendah kepada para pelanggan.
- Kemudahan ini memberi peluang kepada institusi perbankan Islam untuk mempelbagaikan asas pendanaannya.
- Urusan jual beli HSBI kepada Cagamas adalah dikecualikan dari cukai setem ad volarem yang mendatangkan penjimatan yang besar kepada penjual.





### Terbitan Sekuriti Hutang Cagamas

Cagamas mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit sekuriti hutang swasta yang aktif dalam tahun 2001. Terdapat sebanyak RM18,283 juta bon Cagamas belum tebus pada akhir tahun 2001 dan ini merupakan 13.4% daripada sekuriti hutang swasta belum tebus.

Syarikat telah mencatatkan sejumlah 44 terbitan sekuriti hutang dengan nilai nominal RM17,400 juta (termasuk 13 pembukaan semula) dalam tahun 2001, berbanding dengan 49 terbitan berjumlah RM22,729 juta dalam tahun 2000. 19 daripada jumlah terbitan tersebut yang melibatkan nilai muka sebanyak RM10,970 juta adalah dalam bentuk nota diskaun Cagamas jangka pendek dengan tempoh matang sehingga 12 bulan. Ini merupakan 63.0% daripada jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan dalam tahun 2001. Bakinya pula terdiri daripada 25 terbitan bon berkadar tetap berjumlah RM6,430 juta, mewakili 37.0% daripada jumlah sekuriti hutang baru yang diterbitkan dalam tahun berkenaan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) dan bon berkadar terapung yang diterbitkan dalam tahun 2001.

Kesemua terbitan baru sekuriti hutang Cagamas dalam tahun 2001 telah dibuat melalui tender di kalangan Peniaga Utama. Peniaga Utama telah mengemukakan bida berjumlah RM51,487 juta yang mewakili kadar purata berwajaran lebihan langganan sebanyak 2.96 kali berbanding jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan. Di sepanjang tahun di dalam tinjauan, Cagamas telah membuka semula tujuh bon berkadar tetapnya yang sedia ada berjumlah RM2,858 juta dengan baki tempoh matang di antara dua hingga lima tahun. Pembukaan semula ini telah membolehkan Syarikat memperbesarkan saiz terbitannya yang sedia ada, seterusnya meningkatkan mudah tunai bagi sekuriti hutang Cagamas di dalam pasaran sekunder. Cagamas telah buat pertama kalinya menerbitkan bon berkadar tetap 10 tahun dalam bulan Disember 2001 bagi membiayai pembelian pinjaman perumahan untuk tempoh 10 tahun. Terbitan bon berkadar tetap 10 tahun tersebut telah membolehkan Syarikat membangunkan keluk kadar hasil untuk tempoh yang lebih panjang bagi sekuriti hutangnya. Oleh itu, ia membolehkan Cagamas menentukan harga bagi pembelian pinjaman pada kadar pasaran terutamanya untuk tempoh yang lebih panjang.

### Penebusan Sekuriti Hutang Cagamas

Sejumlah RM17,342 juta sekuriti hutang Cagamas yang matang telah ditebus dalam tahun 2001, terdiri daripada RM5,245 juta bon berkadar tetap, RM12,027 juta nota diskaun jangka pendek dan RM70 juta SMC, berbanding dengan jumlah penebusan sebanyak RM20,669 juta pada tahun sebelumnya.

### Sekuriti Hutang Cagamas Belum Tebus

Nilai nominal sekuriti hutang Cagamas belum tebus pada 31 Disember 2001 berjumlah RM21,537 juta, berbanding dengan RM21,479 juta pada akhir tahun 2000. Bon berkadar tetap berjumlah RM18,283 juta atau 84.9% merupakan bahagian terbesar daripada jumlah sekuriti hutang belum tebus. Ini diikuti oleh nota diskaun jangka pendek yang menyumbang sebanyak RM3,110 juta atau 14.4%. Bakinya sebanyak RM144 juta atau 0.7% pula terdiri daripada SMC.

### Urus Niaga Pasaran

Jumlah dagangan sekuriti hutang Cagamas telah menurun secara mendadak sebanyak 49.9% dari RM70.2 billion dalam tahun 2000 ke RM35.2 billion dalam tahun 2001. Jumlah dagangan tersebut telah menurun atas sebab-sebab berikut:

- **Tempoh bagi Terbitan Baru**

Peluang bagi dagangan biasanya lebih tertumpu kepada sekuriti jangka panjang semasa berlakunya penurunan dalam aliran kadar faedah. Memandangkan sebahagian besar daripada bon Cagamas berkadar tetap yang diterbitkan adalah untuk tempoh dua hingga tiga tahun (berbanding dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang diterbitkan untuk tempoh tiga hingga 10 tahun), para pelabur lebih berminat untuk melabur dalam sekuriti jangka panjang manakala permintaan untuk sekuriti jangka pendek pula menurun.





- **Saiz Terbitan**

Saiz bagi bon Cagamas berkadar tetap adalah agak kecil (RM200 juta hingga RM400 juta bagi setiap terbitan), berbanding dengan SKM di mana setiap saiz terbitannya adalah di dalam lingkungan RM5 billion hingga RM6.5 billion. Oleh yang demikian, SKM adalah lebih mudah tunai berbanding dengan sekuriti Cagamas dan ini telah menjejaskan peluang dagangan di dalam sekuriti Cagamas.

- **Nisbah Bon Berkadar Tetap kepada Nota Diskaun Jangka Pendek**

Dalam tahun 2001, Cagamas telah menerbitkan RM17,400 juta sekuriti hutang. RM10,970 juta atau 63.0% daripada jumlah tersebut adalah di dalam bentuk nota diskaun jangka pendek dengan tempoh matang sehingga 12 bulan, manakala bon berkadar tetap pula berjumlah RM6,430 juta atau 37.0%. Sebaliknya, sejumlah RM21.5 billion SKM telah diterbitkan dalam tahun 2001. Memandangkan jumlah bon Cagamas berkadar tetap yang diterbitkan adalah jauh lebih kecil, peluang untuk dagangan dan peningkatan dalam harga adalah terhad.

Dagangan bagi sekuriti hutang Cagamas di dalam pasaran sekunder sebanyak RM9.4 billion adalah sederhana di dalam suku pertama tahun 2001. Ini adalah disebabkan oleh kurangnya penerbitan baru bagi sekuriti Cagamas. Dengan adanya dua terbitan besar SKM berjumlah RM10 billion pada akhir suku pertama dan di dalam suku kedua, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan di dalam suku kedua telah menurun sebanyak 24.5% ke RM7.1 billion disebabkan oleh penawaran sekuriti berlebihan di dalam pasaran. Walau bagaimanapun, jumlah yang didagangkan meningkat secara mendadak di dalam suku ketiga disebabkan oleh jangkaan tentang penurunan dalam kadar faedah serta tindakan para pelabur menukar sekuriti hutang swasta mereka kepada sekuriti Kerajaan dan separa Kerajaan (termasuk sekuriti Cagamas) bagi meningkatkan prestasi mereka. Jumlah nominal sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan di dalam suku ketiga adalah RM13.5 billion atau peningkatan sebanyak 90.1%. Di dalam suku terakhir, sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan di dalam pasaran sekunder menurun sebanyak 61.5% ke RM5.2 billion disebabkan oleh kurangnya terbitan baru bagi sekuriti Cagamas.


Di antara instrumen hutang utama yang didagangkan di dalam pasaran sekunder yang terdiri daripada SKM, Bil Perbendaharaan, Instrumen Simpanan Boleh Niaga, Penerimaan Jurubank dan Bil Negara Malaysia, sekuriti hutang Cagamas menyumbang sebanyak 9.1% daripada jumlah urus niaga di dalam pasaran sekunder dalam tahun 2001, berbanding dengan 24.2% dalam tahun 2000.

#### **Kadar Hasil bagi Sekuriti Hutang Cagamas**

Kadar hasil bagi sekuriti hutang 3 tahun Cagamas menurun secara berterusan dalam tahun 2001, berbanding dengan arah aliran yang agak stabil dalam tahun 2000. Penurunan ini adalah disebabkan oleh tanggapan pasaran tentang kemungkinan berlakunya penurunan dalam aliran kadar faedah yang berterusan, lebih mudah tunai di dalam pasaran dan pengalihan pelaburan dari pasaran ekuiti ke bon. Di dalam suku tahun pertama 2001, bon Cagamas 3 tahun telah menurun sebanyak 52 mata asas dari 3.92% ke 3.40%. Arah aliran kadar hasil yang menurun ini telah bertukar di dalam suku kedua di mana kadar hasil berada di dalam lingkungan 3.45% hingga 3.54% disebabkan oleh pembetulan di dalam pasaran bon dan jangkaan pasaran terhadap terbitan besar bagi sekuriti. Walau bagaimanapun, kadar hasil telah menurun semula sebanyak 50 mata asas di dalam suku ketiga kepada di antara 3.04% hingga 3.43%. Penurunan ini disebabkan oleh ketiadaan terbitan sekuriti mudah tunai yang besar serta penukaran para pelabur dari sekuriti hutang swasta ke sekuriti Kerajaan dan separa Kerajaan (termasuk sekuriti Cagamas). Kadar hasil terus menurun dan mencatatkan kadar terendah pada tahap 2.98% dalam bulan Oktober 2001 sebelum meningkat ke tahap 3.19% pada penghujung tahun. Peningkatan dalam kadar hasil ini adalah disebabkan oleh penawaran berlebihan sekuriti mudah tunai serta aktiviti pengambilan untung pada penghujung tahun oleh para pemain di dalam pasaran.

## Carta I

## Perbezaan Kadar Hasil di antara Bon Cagamas dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 Tahun



Carta I menunjukkan bahawa di sepanjang tahun di dalam tinjauan, perbezaan kadar hasil di antara bon Cagamas dengan SKM dalam pasaran sekunder adalah di antara enam hingga 18 mata asas. Secara amnya, perbezaan kadar hasil adalah stabil di antara 10 hingga 14 mata asas di dalam suku pertama. Perbezaan ini meningkat kepada 18 mata asas di dalam suku kedua disebabkan oleh pembedahan di dalam pasaran bon dan jangkaan pasaran terhadap terbitan yang lebih besar bagi sekuriti. Walau bagaimanapun, perbezaan ini menurun kepada lapan mata asas di dalam suku ketiga tahun 2001 disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap sekuriti mudah tunai yang bermutu tinggi seperti sekuriti hutang Cagamas. Peningkatan permintaan ini disebabkan oleh kebimbangan para pelabur terhadap kegagalan penerbit sekuriti hutang swasta membuat pembayaran mereka. Pada permulaan suku keempat, perbezaan di antara bon Cagamas dengan SKM telah menurun kepada enam mata asas sebelum meningkat kepada 12 mata asas pada penghujung tahun 2001 disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung.

## Pemegang Sekuriti Hutang Cagamas

Pemegang sekuriti hutang Cagamas pada akhir Disember 2001 adalah seperti berikut:

	2001		2000	
	RM juta	%	RM juta	%
Institusi Perbankan	10,828	50.3	13,405	62.4
Syarikat Insurans	2,596	12.1	2,953	13.7
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen	5,457	25.3	4,394	20.5
Pelabur-pelabur lain	2,656	12.3	727	3.4
<b>Jumlah</b>	<b>21,537</b>	<b>100.0</b>	<b>21,479</b>	<b>100.0</b>



Pemegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan telah menurun dari 62.4% daripada jumlah keseluruhan pada akhir 2000 ke 50.3% pada akhir Disember 2001. Sebaliknya, pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi bukan perbankan telah meningkat dari 37.6% dalam tahun 2000 ke 49.7% pada 31 Disember 2001. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh syarikat insurans dan kumpulan wang simpanan dan pencen dari 34.2% daripada jumlah pemegangan ke 37.4% pada akhir Disember 2001. Ini menunjukkan peningkatan permintaan bagi aset berisiko rendah oleh syarikat insurans dan permintaan bagi pelaburan dalam sekuriti berkualiti tinggi oleh kumpulan wang simpanan dan pencen. Pemegangan sekuriti Cagamas oleh perbadanan-perbadanan lain, walaupun kecil, telah menunjukkan peningkatan melebihi 200% dalam tahun 2001 berbanding dengan tahun sebelumnya. Peningkatan permintaan terhadap sekuriti Cagamas oleh para pelabur bukan tradisi adalah memberangsangkan dan ianya mencerminkan tentang kesedaran serta keyakinan para pelabur terhadap sekuriti hutang Cagamas.

### **Pandangan Keseluruhan**

Cagamas masih terus menerima permintaan yang tinggi untuk terbitannya di dalam pasaran primer dalam tahun 2001. Ini dapat dilihat dari kadar purata berwajaran lebihan langganan sebanyak 3.60 dan 2.58 kali masing-masing untuk nota dan bon Cagamas. Walaupun terdapat penurunan di dalam dagangan bagi sekuriti Cagamas di dalam pasaran sekunder, perbezaan kadar hasil di antara sekuriti hutang Cagamas dengan SKM telah menurun dengan banyaknya. Ini membolehkan Syarikat meneruskan usahanya untuk menyalurkan dana pada kos yang rendah kepada institusi kewangan.



### Latar Belakang

Setiap organisasi harus terus berusaha untuk mencari jalan untuk mengintegrasikan keupayaan teknologi mereka ke dalam teras perniagaan mereka memandangkan keberkesanan penggunaan teknologi menjadi semakin penting dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Teknologi telah muncul secara mendadak sebagai pemboleh utama dalam peningkatan operasi bagi menyediakan khidmat pelanggan yang berkesan. Oleh itu, Cagamas harus menggunakan sumber teknologinya bukan sahaja untuk menampung dan mengembangkan pasarannya yang sedia ada tetapi juga untuk menerokai pasaran baru sekiranya ia ingin menjadi peneraju di dalam pasaran yang bersaing. Menyedari hakikat tersebut dan untuk menyokong strategi perniagaannya yang sedia ada dan untuk masa hadapan, Cagamas telah mengorak langkah dengan merangka satu Pelan Induk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam tahun 2001.

Cagamas telah melantik perunding luar dalam bulan Ogos 2001 untuk mengkaji struktur Teknologi Maklumat (IT) nya yang sedia ada dan mencadangkan penyelesaian IT yang sesuai sejajar dengan hala tuju perniagaannya buat masa kini dan masa hadapan. Kajian berkenaan akan menghasilkan satu pelan strategi 3 tahun yang akan menyokong pertumbuhan perniagaan Syarikat di masa hadapan.

### Kajian ICT

Kajian terhadap sistem yang sedia ada, selaras dengan peluang perniagaan, mengerakkan anjakan paradigma ke atas teknologi yang digunakan, telah menghasilkan beberapa prinsip-prinsip untuk panduan yang akan digunakan dalam reka bentuk ICT yang baru.

Prinsip-prinsip untuk Panduan ICT tersebut adalah seperti berikut:

- Reka bentuk Berangkai dan Pelayan Aplikasi
- Pendekatan dan Skala Berasaskan Komponen
- Pembangunan Aplikasi Boleh-Web
- Integrasi dan Penyediaan Maklumat
- Keupayaan Pemboleh IT

Keutamaan yang setara akan diberikan kepada urus tadbir IT, latihan serta amalan pengurusan IT untuk keberkesanan teknologi baru tersebut. Dengan adanya teknologi baru berkenaan, Syarikat akan terus menjalankan Peningkatan Proses Perniagaan bagi proses-proses utama dengan matlamat untuk menjurus serta memperbaiki proses-proses tersebut bagi meningkatkan kecekapan. Pelan Induk ICT ini juga akan meningkatkan Pelan Perniagaan Berterusan yang akan melindungi Syarikat dari risiko gangguan yang disebabkan oleh bencana.

### Pelan Induk ICT


Pihak perunding telah mencadangkan satu Pelan 3 tahun yang mengandungi dua fasa utama dan satu fasa ketiga yang akan bergantung kepada pertumbuhan perniagaan Syarikat. Paparan grafik mengenai Pelan berkenaan ditunjukkan dalam Carta di muka surat sebelah.

### Proses Inovasi

Sebagai sebahagian daripada pelan strategi jangka panjang, selain daripada pengenalan aplikasi baru yang dibangunkan sendiri, Cagamas akan memberi tumpuan kepada sistem-sistem berasaskan internet yang akan memudahkan pemprosesan pinjaman dan hutang oleh institusi kewangan dan membolehkan mereka untuk mendapat maklumat pada masa nyata. Pengenalan komunikasi secara elektronik, pemindahan rekod secara elektronik serta pemprosesan dan laporan secara kesalingtindakan akan memberi manfaat kepada institusi kewangan dari segi penjimatan masa dan kos.

Kesimpulannya, dengan adanya sistem maklumat pengurusan bersepadu yang dirangka dengan baik, Syarikat akan berada dalam kedudukan yang baik untuk menjalankan proses kerja yang cekap, menghasilkan produk dan khidmat baru dengan berkesan serta meningkatkan amalan pengurusan risikonya.

## Pelan Tahap-tahap ICT Cagamas





Lembaga Pengarah Cagamas adalah komited dalam memastikan Syarikat mengamalkan piawai urus tadbir korporat yang tertinggi supaya urusan Syarikat dapat dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme dengan matlamat untuk melindungi kepentingan para pemegang syer dan prestasi kewangan Syarikat.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa Syarikat telah menerima-pakai prinsip dan amalan terbaik Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod) seperti berikut:

## 1. Lembaga Pengarah

### 1.1 Komposisi

Pada 31 Disember 2001, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 13 Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan terpilih yang telah dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia dan Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia (yang selepas ini dirujuk sebagai Persatuan).

Berdasarkan penjelasan umum Kod, kesemua Pengarah Cagamas adalah dianggap bebas kerana mereka bebas daripada pengurusan Syarikat dan tidak terlibat dalam urusan harian Syarikat. Para Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh pemegang syer utama dalam Syarikat. Tidak ada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai perbincangan Lembaga Pengarah atau mempengaruhi Lembaga Pengarah dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah adalah bebas untuk memberi pandangan masing-masing untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah dapat mengarah dan mengawal Syarikat secara berkesan kerana para Pengarah mempunyai pengalaman yang berbeza dan luas di dalam sektor kewangan yang diceburi oleh Syarikat. Para Pengarah mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang pelbagai di dalam bidang perbankan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat dan pengurusan am. Cagamas telah ditubuhkan untuk menggalakkan pasaran gadaai janji sekunder dan untuk memperluaskan dan mendalamkan pasaran sekuriti hutang tempatan. Gabungan wakil-wakil dari BNM dan institusi kewangan dapat memastikan bahawa matlamat negara dan sosial Syarikat dapat dicapai dan pada masa yang sama Syarikat terus dirangsang oleh keuntungan supaya mendapat kebolehpercayaan di kalangan para pelabur dan pemegang syernya.

Lembaga Pengarah telah menghasilkan deskripsi tugas untuk Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif termasuk penugasan kuasa dan had tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi mengetuai Lembaga Pengarah dan semasa mesyuarat, mengetuai perbincangan strategi, polisi dan perjalanan urusan Syarikat sementara Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk melaksanakan segala strategi, polisi serta urusan harian Syarikat.

### 1.2 Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyelia perjalanan dan prestasi urusan Syarikat dengan mengkaji semula dan meluluskan perancangan strategik dan belanjawan tahunan Syarikat. Laporan terkini tentang operasi utama Syarikat dibentangkan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah untuk penilaian Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah juga telah mengenal pasti risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat dan telah menghasilkan satu "Kaedah Audit Dalaman berdasarkan Risiko" dengan bantuan perunding luar. Oleh itu, sistem kawalan dalaman yang sesuai telah dilaksanakan untuk mengurus risiko tersebut. Kajian dan penilaian semula ke atas risiko tersebut juga dilakukan setiap tahun sebagai sebahagian daripada Pelan Audit.



Lembaga Pengarah turut meluluskan pelantikan dan penggantian pengurusan kanan dan menilai prestasi serta menentukan ganjaran mereka berdasarkan saranan dari Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah adalah komited kepada ketelusan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dan berusaha untuk mengelak dari sebarang situasi melibatkan sengketa kepentingan dalam urusan niaga yang boleh menimbulkan persoalan terhadap integriti Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan.

## 2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali untuk membincang pelbagai perkara termasuk prestasi Syarikat, perancangan, hala tuju Syarikat dan isu-isu strategik lain yang mempengaruhi urusan Syarikat. Kesemua Pengarah yang memegang jawatan dalam tahun 2001 menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah mesyuarat yang diadakan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dengan agenda yang tersedia. Laporan terkini mengenai pencapaian operasi, kewangan dan perkembangan korporat akan dihantar kepada para Pengarah sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan untuk memberi mereka masa yang secukupnya untuk mengkaji perkara yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat. Ketua Pegawai Eksekutif biasanya mengetuai pembentangan kertas Lembaga Pengarah dan memberi penjelasan yang sewajarnya.

Para Pengarah juga diberi kuasa untuk mendapatkan khidmat nasihat dari perunding bebas dengan perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat, sama ada secara peribadi atau sebagai ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dalam menjalankan tugas mereka dan jika perlu.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dari pengurusan kanan dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan tatacara Lembaga Pengarah dituruti dan segala peraturan dan undang-undang dipatuhi.

## 3. Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah adalah dicalonkan oleh BNM dan Persatuan. Pencalonan ini kemudiannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa jawatankuasa pencalonan untuk mencalonkan ahli Lembaga Pengarah adalah tidak perlu memandangkan pencalonan yang bebas telah diputuskan oleh BNM dan Persatuan dan tatacara yang sedia ada adalah memadai.

Penilaian tahunan bagi para Pengarah tidak dilakukan oleh Cagamas kerana para Pengarah yang mewakili Persatuan adalah Ketua Eksekutif atau Pengarah di dalam institusi kewangan dan mereka adalah di bawah penyeliaan dan penilaian berkala oleh BNM.

Mengikut Tataurusan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara daripada jawatan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Tataurusan berkenaan juga menyatakan bahawa Pengarah yang baru dilantik oleh Lembaga Pengarah dalam satu-satu tahun adalah tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang yang diadakan selepas pelantikan mereka.

## 4. Latihan Pengarah

Sebahagian besar daripada para Pengarah adalah Pengarah di dalam syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan yang diakreditasi oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan diwajibkan di bawah garis panduan BSKL berkaitan dengan latihan Pengarah. Para Pengarah juga akan dimaklumkan tentang undang-undang dan peraturan baru semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.

## 5. Ganjaran Pengarah

Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran untuk setiap Pengarah berdasarkan saranan dari Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah. Penentuan tahap ganjaran Pengarah adalah berdasarkan pada peranan yang mereka mainkan dalam Lembaga Pengarah. Pengerusi berkecuali semasa perbincangan mengenai ganjaran Pengerusi diadakan kerana bayaran fi Pengerusi adalah berbeza daripada fi bagi Pengarah lain.

Ganjaran tahunan Pengarah yang disemak dalam tahun 2001 dan diluluskan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan adalah sebanyak RM4,000 setahun untuk setiap Pengarah dan RM6,000 setahun untuk Pengerusi. Para Pengarah juga dibayar elaun mesyuarat sebanyak RM500 seorang untuk setiap mesyuarat yang mereka hadiri. Agregat ganjaran para Pengarah adalah sebanyak RM91,500, merangkumi fi Pengarah sebanyak RM55,000 dan elaun mesyuarat sebanyak RM36,500.

## 6. Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah dibantu oleh empat Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang berfungsi mengikut bidang rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak Lembaga Pengarah dalam semua perkara apabila ia tidak bersidang. Jawatankuasa yang lain ditugaskan untuk mengkaji isu-isu tertentu dan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk meluluskan atau membentangkan kepada Lembaga Pengarah saranan mereka. Keputusan muktamad dalam semua perkara masih bergantung kepada Lembaga Pengarah.

## 7. Hubungan dengan Pelabur dan Komunikasi dengan Para Pemegang Syer

Lembaga Pengarah menyedari tentang pentingnya komunikasi yang berkesan dan yang tepat pada masanya dengan para pemegang syer dan pelabur. Strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk-produk baru Syarikat dimaklumkan kepada para pemegang syer dan pelabur melalui Laporan Tahunan yang dihantar kepada mereka. Mesyuarat Agung Tahunan masih merupakan forum utama bagi Cagamas untuk mengadakan dialog dengan para pemegang syer. Pengerusi melaporkan prestasi Syarikat di dalam mesyuarat berkenaan dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk membuat pertanyaan dan mendapat penjelasan berkenaan urusan dan prestasi Syarikat.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Pengarah kanan bukan eksekutif bebas tidak perlu dinamakan kerana para pemegang syer Syarikat diwakili oleh Persatuan yang mencalonkan Pengarah menjadi ahli Lembaga Pengarah dan sebarang kemusykilan para pemegang syer boleh dimaklumkan melalui Persatuan masing-masing.

Syarikat juga menerbitkan keputusan kewangan bagi setiap setengah tahun dan ringkasan aktiviti penerbitan sekuriti hutangnya di dalam akhbar-akhbar utama. Syarikat juga mengendalikan laman web [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my) yang menyediakan maklumat terkini dan terperinci mengenai produk, kadar dan operasi Syarikat. Syarikat juga kerap mengadakan sesi dialog dengan para Peniaga Utama dan para pelabur supaya mereka dapat mengikuti perkembangan Syarikat dan memberi maklum balas berkaitan isu-isu yang mereka hadapi.



## 8. Kebertanggungjawapan dan Audit

### 8.1 Pelaporan Kewangan

Lembaga Pengarah akan cuba untuk membenteng penilaian kedudukan kewangan dan prospek Syarikat yang seimbang dan mudah difahami di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan para pelabur.

Para Pengarah mengikut Akta Syarikat, 1965 dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat. Selepas perbincangan dengan Juruaudit Luar, para Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat telah menggunakan dasar perakaunan yang sewajarnya yang diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang berhemat, serta mengikut kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai.

### 8.2 Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah menyedari tentang tanggungjawabnya untuk mengekalkan satu sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang berkesan dan keperluan untuk kerap mengkaji semula keberkesanannya. Ianya bertujuan untuk melindungi pelaburan para pemegang syer dan aset Syarikat. Peranan pihak Pengurusan adalah untuk melaksanakan polisi berkaitan risiko dan kawalan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan mengawasi dan memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah di atas kemampuan dan integriti sistem tersebut. Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar turut memberikan jaminan secara bebas. Kesemua kakitangan dipertanggungjawabkan untuk beroperasi mengikut polisi ini.

Lembaga Pengarah menyedari bahawa risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya. Oleh itu, sistem dan proses disediakan bertujuan untuk meminimumkan dan menguruskan risiko tersebut.

Pengarah dan pihak pengurusan kanan Syarikat adalah komited untuk mengekalkan budaya yang mengutamakan kawalan dalam semua bidang operasi.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, yang bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun, mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Syarikat, terutamanya melalui semakan laporan audit dalaman dan luar dan juga penyata kewangan bagi setengah tahun dan tahunan. Sepanjang tahun kewangan, terdapat beberapa kelemahan di dalam kawalan dalaman namun kesemuanya telah diambil tindakan. Walau bagaimanapun, tidak ada satu kelemahan yang dimaklumkan yang telah menyebabkan kerugian yang matan, luar jangkaan atau ketidakyakinan yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan Syarikat.

### 8.3 Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ke atas Juruaudit Dalaman dan Luar diterangkan dari muka surat 48 hingga 51.

Syarikat telah memupuk satu hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Dalaman dan Luar melalui Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Juruaudit Luar menghadiri sekurang-kurangnya satu mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah untuk membincangkan penyata kewangan tahunan semasa tahun kewangan.

Tidak ada sebarang fi bukan audit yang dibayar kepada Juruaudit Luar semasa tahun kewangan.

## 1. Ahli

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Jawatankuasa) terdiri daripada:

- Dato' Tan Teong Hean (Pengerusi)
- Encik Lee Kam Chuen
- Puan Yvonne Chia
- Encik Mohamed Azmi Mahmood
- Encik Mohd Razif Abdul Kadir

Berdasarkan penjelasan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, kesemua ahli Jawatankuasa adalah merupakan Pengarah bukan eksekutif bebas memandangkan mereka tidak terbabit di dalam urusan harian dan pengurusan Syarikat. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama di dalam Syarikat. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai perbincangan Lembaga Pengarah atau mempengaruhi Lembaga Pengarah dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah adalah bebas untuk memberi pandangan masing-masing untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

## 2. Bidang Rujukan

### 2.1 Bidang Kuasa

- (a) Jawatankuasa hendaklah tidak dikenakan sebarang sekatan untuk mendapatkan kesemua maklumat dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya, dengan Juruaudit Dalaman dan Luar dan juga dengan pengurusan Syarikat.
- (b) Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar, dan untuk menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.
- (c) Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan semua kakitangan Syarikat untuk memberi kerjasama sekiranya perlu.

### 2.2 Saiz dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa ini dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli yang secara majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- (b) Sekiranya jumlah ahlinya kurang daripada tiga (3) orang di atas sebab-sebab tertentu, Lembaga Pengarah dikehendaki mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam masa tiga (3) bulan.
- (c) Para ahli Jawatankuasa akan melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang merupakan Pengarah bebas.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang dari ahli Jawatankuasa:
  - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
  - (ii) jika beliau bukan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan:
    - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan di dalam Bahagian 1 dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
    - beliau mestilah merupakan ahli salah satu daripada persatuan akauntan yang dinyatakan di dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967.



- (e) Tiada seorangpun ahli Jawatankuasa boleh mempunyai hubungan yang pada pendapat Lembaga Pengarah akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberi pendapat bebas ketika menjalankan fungsi sebagai ahli Jawatankuasa.

### 2.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekali pada setiap suku tahun atau pada sebarang kekerapan yang ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa boleh menjemput sesiapa sahaja untuk hadir membantu di dalam perbincangan.
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Setiausaha Syarikat dan Ketua Juruaudit Dalam pada kebiasaannya akan menghadiri kesemua mesyuarat. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- (c) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (d) Setiausaha kepada Jawatankuasa adalah Ketua Juruaudit Dalam.

### 2.4 Tugas dan Tanggungjawab

- (a) Menyemak penyata kewangan bagi setengah tahun dan tahunan Syarikat sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan ianya mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:
  - (i) Menyemak laporan juruaudit dan memastikan sebarang pembatasan (jika ada) dibincangkan dengan sepenuhnya dan diambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak timbul sebarang keraguan dalam audit yang akan datang;
  - (ii) Perubahan ketara dan penyelarasan di dalam pembentangan penyata kewangan;
  - (iii) Perubahan besar di dalam dasar dan prinsip perakaunan;
  - (iv) Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
  - (v) Keadaan turun naik yang matan di dalam penyata baki;
  - (vi) Laporan kewangan interim dan pengisytiharan awal;
  - (vii) Perubahan ketara di dalam skop audit; dan
  - (viii) Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalam, termasuk:
  - (i) Pematuhan piawai Audit Dalam, kawalan dalaman Syarikat, polisi dan keperluan undang-undang yang lain;
  - (ii) Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
  - (iii) Koordinasi di antara Juruaudit Dalam dan Luar;
  - (iv) Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas Audit Dalam;
  - (v) Sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Pengurusan terhadap Audit Dalam;
  - (vi) Melaporkan segala keputusan;
  - (vii) Mengesyorkan perubahan di dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
  - (viii) Sentiasa mengesyorkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan dan pembetulan yang sesuai.



- (c) Bertanggungjawab terhadap penubuhan fungsi Audit Dalaman, termasuk:
- (i) Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
  - (ii) Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
  - (iii) Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman dengan merujuk kepada Pengurusan;
  - (iv) Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;
  - (v) Pemberitahuan tentang peletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan untuk mengemukakan alasan peletakan jawatan;
  - (vi) Menyemak kecukupan skop dan fungsi Audit Dalaman;
  - (vii) Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat kedudukan yang sewajarnya di dalam Syarikat;
  - (viii) Pelarasan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Syarikat;
  - (ix) Meletakkan Audit Dalaman di bawah penguasaan dan penyeliaan Jawatankuasa; dan
  - (x) Menyemak kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Syarikat kepada Juruaudit Dalaman.
- (d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan dan penyingkiran Juruaudit Luar.
